

Utiliti ketiga perkukuh infrastruktur digital negara

Kerajaan komited sedia capaian kesalinghubungan internet berkualiti untuk rakyat

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Nor Haidya Syfira Amir
bhnews@bh.com.my

Pengiktirafan kesalinghubungan internet sebagai utiliti ketiga akan memacu usaha kerajaan memperkukuhkan infrastruktur digital negara dengan lebih pantas, seterusnya menyediakan capaian dan perkhidmatan telekomunikasi berkualiti kepada rakyat.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Saifuddin Abdullah, melalui kenyataan media berkata peruntukan Belanjawan 2021 yang antara lain memberi fokus kepada telekomunikasi digital dan pertumbuhan berterusan ekonomi digital, ia akan menjadi lonjakan kepada peranan kementeriaannya bagi menjayakan Pelan Tindakan Jalinan Digital Negara (JENDE-LA) 2020-2022.

"Belanjawan 2021 yang dibentangkan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz pada 6 November lalu, mampu melonjakkan kerja kami di Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dari segi kesalinghubungan internet, ekonomi digital, ekonomi kreatif dan keselamatan siber.

"Bagaimanapun, paling signifikan adalah mengenai kesalinghubungan digital, iaitu jaringan telekomunikasi kini boleh dianggap sebagai utiliti ketiga."

"Usaha menjadikan kesalinghubungan internet sebagai utiliti ketiga, yang diik-



Paling signifikan adalah mengenai kesalinghubungan digital iaitu jaringan telekomunikasi kini boleh dianggap sebagai utiliti ketiga.

Saifuddin Abdullah,
Menteri Komunikasi dan Multimedia

tiraf Kerajaan Persekutuan dan negeri adalah dasar baharu, langkah ke hadapan yang tepat serta penanda aras penting dalam memecut kerja memperkukuh infrastruktur digital negara," katanya.

Saifuddin menjelaskan, satu daripada masalah besar KKMM, terutama melalui agensinya, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan syarikat telekomunikasi adalah kelawatan mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi penyediaan infrastruktur telekomunikasi di sesuatu tempat di kawasan PBT berkenaan.

Katanya, selain beberapa faktor seperti penyediaan rizab kemudahan komunikasi atau ruang khas, kebenaran menggunakan struktur multi fungsi bagi mengoptimum penggunaan tanah dan penyeselaran perundangan, garis panduan dan kod teknikal, masalah utama yang dihadapi pihaknya adalah berkaitan Kebenaran Merancang (KM).

"Mana-mana pihak yang ingin memajukan kawasan perumahan, bandar, perindustrian dan sebagainya di ma-

na-mana kawasan PBT perlu mendapatkan KM, iaitu berkaitan perancangan infrastruktur.

"Pada hari ini, pemaju perlu menyediakan perancangannya mengenai dua utiliti, iaitu air dan elektrik, manakala perancangan kesalinghubungan internet tidak semestinya satu keperluan.

"Perancangan kesalinghubungan internet hanya timbul selepas projek pemajuan atau pembangunan itu siap dibina. Inilah faktor utama mengapa kerja infrastruktur digital mengambil masa terlalu lama untuk disiapkan," katanya.

Mengulas hal ini, Pengurus Kanan Pengalakan Pelaburan, Perak Investment Management Centre (InvestPerak), Dr Ahmad Shahir Abdul Aziz, berkata secara umum, usaha kerajaan untuk menambah baik infrastruktur digital dalam menggalakkan aktiviti ekonomi digital amat penting dalam memposisikan Malaysia sebagai negara maju dan berdaya saing.

Beliau berkata, selain itu, ia juga akan menggamit lebih banyak pelaburan berkualiti, khususnya dalam industri berteknologi tinggi seiring dengan Revolusi Industri Keempat (IR 4.0).

Bagaimanapun, katanya ada beberapa cabaran yang perlu diatasi khususnya dalam memastikan penyediaan infrastruktur digital yang komprehensif dan meluas.

"Cadangan KKMM untuk menyasarkan syarikat pemaju untuk menyediakan perancangan kesalinghubungan internet sebagai salah satu keperluan utama, selain utiliti air dan elektrik amat wajar untuk dilaksanakan oleh setiap Kerajaan Tempatan.

"Dalam pada itu, dari sudut aplikasi dan penggunaan, selain diterapkan dalam kalangan sektor swasta, dasar ekonomi digital ini juga perlu diberi penekanan secara serius untuk direalisasikan pada peringkat sektor perkhidmatan awam, khususnya membabitkan proses kelulusan berkaitan

projek pelaburan yang merangkumi kelulusan hak milik tanah, kebenaran merancang, pelan bangunan dan lain-lain.

"Pengeplaksanaan ekonomi digital ini adalah selari dengan norma baharu kehidupan seharian dan konsep *work from home*, memabitkan sebahagian kakitangan awam di mana setiap proses kelulusan oleh agensi dan jabatan kerajaan boleh dilaksanakan secara digital serta dalam talian bagi memudahkan dan mempercepatkan lagi proses berkenaan," katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Ahmad Faisal Mohamed Fiah, berkata jaringan telekomunikasi adalah satu perkara penting untuk perhubungan khususnya ketika pandemik COVID-19.

"Pekerja yang 'berkerja dari rumah' memerlukan capaian dan kepatasan jaringan telekomunikasi yang bertaraf tinggi dengan harga berpatutan.

"Harga jaringan telekomunikasi di Malaysia antara yang tertinggi dan bila disebut 'tertinggi' ia bukan sekadar jumlah yang perlu dibayar oleh pengguna, namun perkhidmatan yang boleh diperolehi dengan jumlah itu.

"Sebagai contoh, harga jaringan telekomunikasi di Malaysia tinggi, tetapi kadar kecapaian dan kepatasannya masih lagi pada tahap sederhana," katanya.

Ahmad Faisal berkata, adalah tanggungjawab kerajaan dan juga penyedia perkhidmatan telekomunikasi untuk menambah baik dan menyediakan lebih banyak kemudahan infrastruktur digital di negara ini tanpa mengira di bandar mahupun luar bandar.

"Seperti yang kita tahu kebanyakan kawasan bandar di Malaysia tidak mempunyai masalah besar untuk mendapatkan capaian internet, tetapi kawasan luar bandar, terutama pedalaman menghadapi masalah ini dan wajar diberikan perhatian," katanya.

Beliau berpendapat, seiring dengan arus perubahan internet sudah setaraf dengan utiliti lain.

Malah, katanya, internet dianggap utiliti oleh masyarakat global bukan sahaja di Malaysia, tetapi mana-mana tempat di dunia.

"Internet dianggap utiliti, iaitu keperluan asas yang diperlukan. Kerajaan tidak ada pilihan lain selain membangunkan dan mewujudkan jaringan internet di kawasan yang tidak memilikinya. Infrastruktur ini perlu diadakan kerana ia sudah satu kewajipan penting untuk rakyat Malaysia," katanya.



Kerajaan seharusnya menambah lebih banyak infrastruktur telekomunikasi, pada masa sama, tidak membebankan pengguna.

Nurul Najihah Mohd Zain,
Pelajar Ijazah Sarjana Universiti Putra Malaysia (UPM)



Pekerja yang 'berkerja dari rumah' memerlukan capaian dan kepatasan jaringan telekomunikasi yang bertaraf tinggi dengan harga berpatutan.

Ahmad Faisal Mohamed Fiah,
Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM



Telekomunikasi harus dijadikan sebagai utiliti ketiga kerana kini dunia tidak boleh berpisah dengan kemudahan ini.

Nur Amiera Fardilla
Mahamad Fauzi,
Guru TABIKA KEMAS

